


ARAHAN: Sila klik pada perkataan berlawanan dengan perkataan yang berhuruf tebal.



Antonim

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Ibu menyuruh adik **menghamparkan** permaidani yang baru dibeli itu di ruang tamu.
A membentang B melipat C menggulung
2. Sejak datuk dimasukkan ke hospital, penyakitnya semakin **sembuh**.
A sakit B tenat C parah
3. Mereka **menyorong** kotak itu ke tepi bilik.
A mengangkat B menarik C menolak
4. Semua ahli Persatuan Matematik **menyokong** usul yang dibawa dalam mesyuarat itu.
A menolak B membidas C membantah
5. Selepas kematian bapa mereka, hubungan antara Suresh dan Kishan agak **renggang**.
A akrab B dekat C mesra
6. Air laut di Teluk Sisik **pasang** pada waktu petang.
A naik B cetek C surut
7. Ayah **mengepit** surat khabar sewaktu pulang dari pejabat.
A melepas B membuang C mengelek
8. Rambut kawan saya menjadi **kemas** setelah didandan.
A kusut B ikal C bersih

Soalan 9 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

9. Kedua-dua budak itu **akur** akan nasihat Encik Rahman agar tidak bermain di tepi jalan raya.
A patuh B ingkar C rela
10. Bunga-bunga itu kelihatan **layu** pada waktu petang.
A kuyu B segar C sihat